

Bekas Ketua Hakim Negara dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan

# Maal Hijrah disambut sederhana

**KUALA LUMPUR** – Sambutan Maal Hijrah di seluruh negara diadakan secara sederhana tetapi penuh pengertian selaras dengan temanya tahun ini 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara' semalam.

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad, 73, diumumkan sebagai Tokoh Maal Hijrah pada sambutan Maal Hij-

rah 1437H peringkat kebangsaan sekali gus menerima hadiah wang tunai RM100,000, pingat dan sijil penghargaan berserta plak daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Masjid Negara di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis itu, Abdul Hamid berkata, tidak pernah terlintas di fikirannya untuk mendapat penganugerahan sebesar itu.

Beliau yang teruja menerima anugerah itu menyeru agar umat Islam di negara ini supaya terus bersatu-padu dan menjauhi perpecahan.

"Sesungguhnya, tidak ada sebab yang munasabah mengapa kita (umat Islam) patut berpecah belah, Tuhan kita satu, agama kita satu, tujuan kita sama," katanya.

Dilahirkan di Seberang Perai, Pulau Pinang, Abdul Hamid menjawat jawatan tertinggi dalam sistem perundangan negara sebagai Ketua Hakim Negara bermula 2007 hingga 2008.

Walaupun telah lama bersara daripada jawatan itu, beliau masih lagi menabur bakti kepada negara dengan menjawat beberapa jawatan seperti ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Pengharmonian Undang-Undang Bank Negara dan Pengerusi Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari, Bank Negara.



NAJIB (kanan) merakamkan gambar bersama penerima anugerah Tokoh Maal Hijrah, Abdul Hamid (dua dari kanan) pada sambutan peringkat kebangsaan di Masjid Negara, Kuala Lumpur semalam. Turut kelihatan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom (dua dari kiri) dan Ketua Pengarah Jakim, Datuk Othman Mustapha.



MD. SHARIF (PAHANG)

ZAINUL (SELANGOR)

ZAHARI (JOHOR)

IBRAHIM (MELAKA)

YUSOF (N. SEMBILAN)

SEPIAH (TERENGGANU)

ABD. RAHMAN (KEDAH)

AHMAD ALAWI (SABAH)



SEBAHAGIAN para peserta daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta berarak dari Muzium Negara ke Masjid Negara sambil berselawat pada Majlis Perhimpunan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan di Masjid Negara, Kuala Lumpur semalam.

## INFO Senarai penerima Tokoh Maal Hijrah 1437H

### Kebangsaan

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad

### Perlis

Bakal diumumkan pada 19 Oktober ini

### Kedah

Ahli akademik, Abdul Rahman Mustafa

### Pulau Pinang

Pengarah Pusat Transformasi Insan, Prof. Madya Datuk Elias Zakaria

### Perak

Penceramah bebas, Datuk Mohammad Kazim Elias

### Selangor

Timbalan Dekan Siswazah dan Hubungan Antarabangsa Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Zainul Rashid Mohamad Razi

### Negeri Sembilan

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia, Tan Sri Dr. Yusof Basiron

### Melaka

Ketua Pengarah Jabatan Kehakiman Syariah, Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut

### Johor

Guru agama dan penceramah Zahari Jaafar Awang

### Pahang

Pengarah Urusan Kumpulan Asturi Metal Builders (M) Sdn. Bhd., Datuk Md. Sharif Shamsuddin

### Terengganu

Guru agama, Sepiah Mohammad

### Kelantan

Tiada sambutan di Kelantan

### Sabah

Bekas Mufti Sabah, Datuk Ahmad Alawi Adnan

### Sarawak

Bekas Mufti Sarawak, Datuk Loling Aliwi